



TEKS PERUTUSAN

SEMPENA MAJLIS AMANAT NAIB CANSELOR 2022



LT JEN DATUK HASAGAYA BIN ABDULLAH
NAIB CANSELOR UPNM

TEMA:
“MENJULANG TEKAD, MENDEPANI CABARAN”

22 FEBRUARI 2022 (SELASA)

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia,

Yang Berbahagia Profesor Dato' Technologist Dr. Ahmad Mujahid bin Ahmad Zaidi

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antrabangsa)

Yang Berbahagia Lt Kol Profesor Technologist Dr. Muhd Zu Azhan bin Yahaya

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Yang Berbahagia Brig Jen Profesor Ir. Dr. Hj Norazman bin Mohd Nor (Bersara)

Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Pegawai-Pegawai Pengurusan Universiti, Dekan-Dekan, Ketua-ketua Jabatan,

Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan,

Majlis Perwakilan Pelajar serta para mahasiswa yang dihormati dan kasih sekalian.

MUKADIMAH

1. Pertamanya, marilah kita sama-sama menzahirkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, izin dan inayahNya juga, maka kita dapat bersama-sama di dalam **Majlis Amanat Tahun 2022** secara hibrid di pagi yang sejahtera ini.
2. Saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga UPNM yang hadir secara bersemuka mahu pun secara maya. Besarlah harapan saya agar amanat yang akan saya sampaikan pada hari ini dapat memberi panduan kepada seluruh warga untuk mengorak langkah dengan lebih jelas dalam mengotakan amanah kita.
3. Dengan penuh pengharapan juga, saya meletakkan keyakinan bahawa seluruh warga telah bersiap sedia untuk menunaikan amanah serta mengharungi cabaran di tahun 2022 ini.

MENELUSURI TAHUN 2021

Keluarga UPNM yang saya kasihi sekalian,

4. Pada awal tahun 2021, saya telah menzahirkan hasrat, aspirasi dan buah fikiran menerusi **Amanat Ulung** yang bertemakan **Menjulang Kewajipan, Maruah dan Integriti**. Berdasarkan tema ini, **4 Teras Strategik** telah dibina untuk memacu UPNM dalam menjayakan agenda kecemerlangan berterusan iaitu:

- a. Memperkasa Tadbir Urus.
- b. Membudaya Prinsip Keberhasilan.
- c. Menjulang Kecemerlangan.
- d. Memperkuuh Nilai dan Budaya Universiti.

5. Secara holistiknya, dalam mendukung teras strategik yang telah digariskan ini, kita melihat sinergi kepemimpinan di peringkat tertinggi bersama-sama warga dari segenap lapisan tugas, telah sehati, sepakat, semuafakat bergandingan bahu dalam memangkin keberhasilan kejayaan.

Keluarga UPNM yang saya kasihi sekalian,

6. Menelusuri imbasan sepanjang tahun 2021 yang lalu, kita masih lagi mengharungi pandemik COVID-19 yang turut membayangi kita di tahun sebelumnya. Natijahnya, perancangan yang kita hasratkan telah disesuaikan berdasarkan situasi semasa.

7. Selain daripada itu, pada penghujung tahun 2021 kita juga dikejutkan dengan ujian banjir yang melanda negara. Dalam konteks ini, UPNM turut mengambil bahagian dalam usaha-usaha dan inisiatif menyantuni mereka yang terkesan. Inilah daya usaha kita, komitmen kita, tekad kita untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab khidmat bakti kita kepada masyarakat. Syukur Alhamdulillah.

8. Atas kata-kata itu, saya ingin menzahirkan perasaan bangga dan amat terharu atas pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan yang telah sama-sama menumpu usaha gigih, sekaligus terus memacu kemaraan kecemerlangan institusi mulia yang kita sayangi ini. Begitu jelas terserlah, semangat kekitaan yang begitu kukuh dan teguh telah memberikan kita satu lonjakan semangat dalam mengharungi apa jua cabaran yang mendatang. Terima kasih dan syabas buat semua.

Keluarga UPNM yang saya kasihi sekalian,

9. Penularan pandemik COVID-19 telah membentuk satu titik anjakan paradigma yang mengisyaratkan kita sebagai institusi ilmu yang perlu sentiasa melihat perspektif baharu dalam pengisian lingkungan strategi pengajian tinggi yang sentiasa dinamik. Lantas itu, ia juga memberikan satu indikator penting bahawa masa hadapan sektor pengajian tinggi semakin kompleks dan sentiasa mencabar.

10. Dalam konteks ini, UPNM dengan ditarisi oleh teraju kepemimpinan Lembaga Pengarah Universiti yang begitu berpengalaman akan meneruskan usaha mengekalkan ketahanan untuk beradaptasi dengan tuntutan situasi semasa yang sentiasa dinamik.

11. Di sebalik halangan yang menduga, kita wajar berbangga kerana secara keseluruhannya, ekosistem sedia ada di universiti ini berjaya diperkuuhkan serta menjamin kestabilan tadbir urus. Bukti, kita tetap

teguh dan berupaya meneruskan kecemerlangan signifikan dalam segenap aspek sepanjang tahun 2021.

12. Seperti mana yang telah dipaparkan dalam tayangan montaj sebentar tadi, UPNM telah menzahirkan kejayaan-kejayaan yang berprestasi tinggi dalam mempamerkan keupayaan, kemampuan para akademia, staf dan mahasiswa. Kejayaan ini terserlah termasuklah penglibatan dan aktiviti yang dilaksanakan di peringkat nasional dan antarabangsa. Projeksi imej dan keterlihatan UPNM turut terserlah.

13. Dengan ikhlas saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan pengurusan tertinggi iaitu Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pegawai Pengurusan Kanan, Dekan-dekan, Pengarah-Pengarah, staf dan seluruh mahasiswa yang bertungkus lumus dalam memastikan persediaan rapi sehingga kita berjaya merangkul pelbagai pencapaian dan kejayaan. Mudah-mudahan, momentum kejayaan yang berjaya kita raih pada tahun yang lalu dapat diteruskan pada tahun ini dan tahun-tahun seterusnya.

TEMA AMANAT NAIB CANSELOR 2022

Hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Bagi mendepani apa sahaja cabaran dalam tahun 2022 serta semangat untuk mengecapi kejayaan berterusan, saya telah memilih **“Menjulang Tekad Mendepani Cabaran”** sebagai tema amanat saya pada kali ini.

15. Tema ini memberi satu manifestasi iltizam bahawa kita kumpulkan semangat setiap daripada kita, diterjemahkan kepada tekad yang membara untuk menghadapi segala cabaran dengan cekal dan berani demi untuk terus meraih kejayaan dan kecemerlangan. Ia juga memberi satu pernyataan jelas bahawa kita tidak akan sekali-kali menyerah pasrah dengan segala keterbatasan dankekangan yang mendarat.
16. Sesungguhnya, kita semua telah mencurahkan kesungguhan dan berusaha gigih tanpa mengenal erti penat lelah bersama-sama sebagai sebuah pasukan yang efektif dan kuat dalam mentadbir insitusi dalam tempoh yang mencabar ini.
17. Suasana tidak menentu yang menyebabkan kecelaruan, tekanan, kegusaran dan segala macam isu telah kita harungi dengan tabah dan bijaksana. Saya umpamakan kita semua di Universiti ini seperti kata peribahasa, **‘gagah pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanahnya’**.
18. Kejayaan ini juga tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan padu daripada pemegang taruh utama serta rakan-rakan kolaborasi strategik yang lain terutamanya ucapan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kami kepada **Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia**.

ENAM TERAS STRATEGIK 2022

Warga UPNM yang saya hormati sekalian,

19. Seperti di awal mula tadi, sekali lagi ingin saya tekankan bahawa seiring dengan persekitaran strategik mutakhir yang dinamik ini, adalah menjadi keperluan untuk kita semua melakukan anjakan paradigma baharu. Di usia Universiti yang sudah menjangkau 15 tahun, kita sudah ada aspirasi dan visi yang jelas serta perancangan strategik yang teratur. Kini, hala tuju strategik yang mampan, dipacu menerusi kerangka inisiatif serta pelan tindakan yang jitu, kita gariskan untuk mengemudi UPNM agar sentiasa berada di landasan yang tepat menuju kecemerlangan.
20. Ke arah itu, saya dan barisan pengurusan tertinggi Universiti telah bermusyawarah di dalam **Program Halatuju Strategik Pengurusan UPNM Tahun 2022** yang telah diadakan di Pusat Pengaman Malaysia, Port Dickson pada 21 hingga 23 Januari yang lalu.
21. Berhasil daripada itu, saya dan barisan pengurusan tertinggi telah menggariskan **Enam Teras Strategik** bagi melengkapi **Rangka Tindakan Kesejahteraan Pendidikan Tinggi atau ‘Sejahtera IPT’** yang telah digariskan oleh **Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi** baru-baru ini.

22. **Enam teras** tersebut yang akan saya kongsikan huraian intisarinya adalah seperti berikut:

- a. **Teras 1:** Memperkasa Akademik dan Antarabangsa, Korporat, Hubungan Industri dan Komuniti.
- b. **Teras 2:** Memperkuuhkan Pembangunan Pelajar dan Alumni.
- c. **Teras 3:** Meningkatkan Penyelidikan dan Inovasi.
- d. **Teras 4:** Memperkuuhkan Pembangunan Sumber Manusia.
- e. **Teras 5:** Melestari Pengurusan Kewangan dan Penjanaan Pendapatan.
- f. **Teras 6:** Melestari Pembangunan Strategi, Kualiti, Teknologi Maklumat, Pembangunan Infrastruktur.

TERAS 1: MEMPERKASA AKADEMIK DAN ANTARABANGSA, KORPORAT, HUBUNGAN INDUSTRI DAN KOMUNITI.

Keluarga UPNM yang saya kasihi sekalian,

23. Dalam aspek akademik, Universiti telah menggariskan **tiga strategi utama** yang akan menjadi fokus tahun 2022, merangkumi:

- a. **Strategi Pertama:** Memperluaskan kolaborasi dengan pihak industri dalam bidang pertahanan dan keselamatan berlandaskan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH).
- i. **Konsep HANRUH** merentasi pelbagai industri dan tidak terhad kepada bidang keselamatan dan pertahanan semata-mata. Ini meliputi bidang keselamatan siber (*cyber security*), keselamatan makanan (*food security*), keselamatan tenaga (*energy security*), keselamatan rantai bekalan (*supply chain security*) dan seumpamanya merupakan keutamaan strategik yang begitu penting terhadap jaminan pertahanan negara.
- ii. Maka itu, perluasan kolaborasi bersama-sama industri lain selain industri konvensional dalam bidang pertahanan dan keselamatan akan dipertingkatkan sebagai artikulasi terhadap **konsep HANRUH** yang seharusnya memenuhi segenap ruang spektrum pertahanan negara. Usaha kolaborasi akan dipertingkatkan menerusi pelbagai pendekatan termasuk penempatan Latihan Industri (LI) untuk mahasiswa, penyelidikan dan khidmat perundingan oleh para akademia. Ini juga secara tidak langsung bakal meningkatkan peluang penempatan pekerjaan kepada graduan dalam pelbagai bidang.

b. **Strategi Kedua:** Mewujudkan Dasar ‘*Competency-Based Certificate*’.

- i. Selain daripada kelulusan akademik, kebolehpasaran graduan lazimnya berkadar terus dengan kompetensi tertentu berdasarkan keperluan industri. Mengambil kira keperluan mustahak terhadap penguasaan kompetensi ini, maka pihak Universiti akan memperkenalkan **Dasar ‘Competency-Based Certificate’** kepada mahasiswa mulai tahun ini.
- ii. Menerusi dasar ini, kolaborasi akan dilaksanakan dengan badan profesional yang menyediakan pensijilan yang diiktiraf kepada semua mahasiswa. Sebagai contoh, pensijilan NIOSH (*National Institute Occupational on Safety and Health*), bahasa pengaturcaraan seperti C++ dan Phyton, *Industrial Laws* dan seumpamanya. Untuk itu, pelajar perlu melengkapkan pensijilan dalam kompetensi tertentu yang diiktiraf oleh industri dan ini sekaligus bakal memberikan nilai tambah kepada mahasiswa di pasaran kerja apabila bergraduat kelak.

c. **Strategi Ketiga:** Menyediakan fasilitas bilik kuliah yang dilengkapi dengan peralatan yang diperlukan dalam melaksanakan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hibrid.

Sebagai respon kepada dinamika PdP yang perlu disesuaikan dengan situasi semasa dan masa hadapan, penyediaan fasilitas

bilik kuliah adalah keperluan mustahak yang menjadi keutamaan universiti. Justeru, pihak universiti telah menyediakan kerangka inisiatif pembangunan bagi memastikan persekitaran PdP yang kondusif khususnya kepada para mahasiswa.


24. Dalam masa yang sama, projeksi imej UPNM akan turut diperkasakan dengan menggunakan pelbagai dimensi. Beberapa kerangka strategik akan diformulasi dan diimplementasikan di bawah kluster Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat.
25. Ia merangkumi strategi berikut:

a. **Pertama, Memperkasa Jaringan Industri:**

- i. Melalui kerjasama pendidikan di bawah hubungan dua hala Menteri Pertahanan Malaysia-Perancis, UPNM telah mendapat manfaat dengan menghantar pensyarah untuk meneruskan pengajian di peringkat pasca siswazah.
- ii. UPNM juga telah diberi penghormatan sebagai Pengurus ASEAN *Regional Forum Head of Defence Universities / Colleges / Institutions Meeting* (ARF HDUCIM) Ke-25 tahun 2022. Forum yang bakal dilangsungkan pada bulan Oktober akan datang ini melibatkan 27 buah negara ASEAN dan rakan-rakan ASEAN. Bagi forum kali ini, UPNM bakal berkolaborasi dengan pihak General Sir John Kotelawala

Defence University (KDU) Sri Lanka selaku Pengerusi Bersama.

- iii. Selain itu, UPNM juga bakal terlibat dengan penganjuran program peringkat serantau dan antarabangsa yang bakal menyerlahkan lagi kecemerlangan aspek jaringan industri. Antaranya, *Pocket Talk “Women In Peace And Security”*, Seminar *Siber Security* dan pameran inovasi di *Defence Asia Services (DSA) / National Security Asia (NATSEC Asia)* 2022.
- iv. Susulan daripada penyertaan di EXPO Dubai 2020, UPNM bakal meneroka lebih banyak peluang jaringan pendidikan dengan negara-negara Timur Tengah khususnya *United Arab Emirates (UAE)*.
- v. UPNM telah mengadakan kerjasama dengan rakan strategik iaitu KDU Sri Lanka dalam bidang pendidikan dan penyelidikan pertahanan. Memorandum Persefahaman (MoU) akan ditandatangani pada bulan April 2022.
- vi. Melalui jaringan dan kerjasama strategik dengan Mindef dan ATM, UPNM dijangkakan akan terus menikmati faedah-faedah *Industrial Collaboration Program (ICP)* melalui penyelidikan dan latihan akademik serta kursus-kursus pendek secara kerajaan kepada kerajaan atau domestik.

- 
- vii. Para pelajar boleh diberi pendedahan melalui kerjasama bahagian ini dengan syarikat-syarikat Industri Pertahanan yang terpilih bagi menjalani Latihan Industri (LI).
- b. Kedua, Memperkasakan Peranan Bahagian Perhubungan Korporat:**

- i. Bagi memprojeksikan imej UPNM sebagai sebuah universiti ulung dalam bidang ini, Bahagian Perhubungan Korporat UPNM telah memperkasakan jaringan kolaborasi dengan pihak media dan Unit Komunikasi Korporat termasuk KPT dan Kementerian Pertahanan / ATM bagi menyalurkan maklumat dan hebahan kepada masyarakat mengenai kepakaran para akademia UPNM.
- ii. Bahagian Perhubungan Korporat akan merangka Pelan Strategi Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat.
- iii. Selain itu, penjenamaan baru laman sesawang UPNM telah dibangunkan. Laman sesawang ini menjadi platform bagi membolehkan semua FPJB mempamerkan aktiviti-aktiviti utama di jabatan masing-masing bermula pada hari ini. Laman ini juga akan mempromosikan UPNM di peringkat antarabangsa.

- iv. Laman sesawang ini turut menjadi platform kepada para akademia dalam mempromosikan kejayaan akademik dan ko-kurikulum para pelajar UPNM dalam pelbagai bidang, penyelidikan akademia, promosi mengenai produk yang berjaya dihasilkan.

TERAS 2 : MEMPERKUKUHKAN PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI

Warga UPNM yang dihormati sekalian,

26. Dalam **Teras Memperkuuhkan Pembangunan Pelajar Dan Alumni**, pihak Universiti melihat beberapa aspek yang akan menjadi fokus keutamaan pada tahun 2022. Ia merangkumi penstrukturran tadbir urus Pusat Sukan, keselesaan fasilitas penginapan, peningkatan kawalan keselamatan, serta keusahawanan mahasiswa.

27. Bagi melestarikan pembangunan sukan pelajar di UPNM, Pusat Sukan UPNM akan disusun semula khususnya dari aspek pengurusan dan pentadbirannya supaya ia lebih holistik dan pengurusan yang lebih efektif dan teratur. Ianya membolehkan penglibatan yang lebih menyeluruh bagi mencungkil bakat dan potensi pelajar dalam bidang sukan.

28. Salah satu aspek penting adalah keselesaan pelajar. UPNM akan sentiasa mempertingkatkan tahap kemudahan dan fasilitas yang sedia ada. Oleh itu, untuk memberi keselesaan para pelajar, UPNM telah membuka ruang bagi membolehkan sebahagian pelajar-pelajar senior awam

dibenarkan untuk menginap di asrama yang disediakan di luar kampus. Perkara ini akan mula dilaksanakan pada tahun 2022 dan secara berperingkat-peringkat.

29. UPNM juga melihat potensi para mahasiswa yang boleh diketengahkan dalam pelbagai bidang keusahawanan dan sekali gus dapat menjana pendapatan sampingan. Dalam menyokong agenda ini, UPNM komited untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang lebih kondusif menerusi penambahan *mobile kiosk* di sekitar kawasan dewan kuliah dan kolej kediaman. Menerusi inisiatif ini, ia akan memberikan peluang, pendedahan dan bimbingan kepada para mahasiswa untuk mewujudkan rangkaian peniagaan yang bersesuaian.

30. Dalam konteks pemerkasaan Alumni, UPNM akan menyusun semula kerangka strategi ini dengan menyediakan pelbagai program yang manfaatnya bukan sahaja kepada ahli-ahli alumni tetapi juga memberi impak besar kepada bakal-bakal graduan. Program-program ini akan disinergikan selari dengan hasrat KPT untuk memperkasakan alumni di seluruh IPT.

TERAS 3: MENINGKATKAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

31. Di dalam aspek penyelidikan dan inovasi, Pelan Strategik UPNM (2016 – 2025) telah menggariskan kepentingan penyelidikan dan inovasi disandarkan kepada *Shift 2 (Talent Excellence)* dan *Shift 7 (Innovation Ecosystem)*. Keutamaan ini adalah selari dengan kerangka strategik KPT.

32. Menerusi **Program Halatuju Strategik Pengurusan UPNM** tahun 2022, beberapa isu dan cabaran telah dikenalpasti dan bakal dimitigasi secara sistematik serta berstrategi bagi memantapkan aktiviti penyelidikan di UPNM. Antaranya, perolehan dana penyelidikan yang terhad akan diatasi menerusi pendekatan mengenalpasti sumber dana dari institusi atau organisasi selain dari agensi kerajaan atau kementerian.

33. Begitu juga, potensi kolaborasi penyelidikan dan hubungan dua hala antara UPNM dan industri di peringkat nasional, serantau serta antarabangsa akan terus dipergiatkan bagi mewujudkan peluang perolehan dana yang lebih meluas. Rangkaian kolaborasi strategik yang lebih menyeluruh juga kita yakini dapat membantu UPNM dalam mengurus cabaran-cabaran yang berkaitan seperti pengkomersilan produk penyelidikan dan lain-lain lagi.

34. UPNM ingin terus memastikan pencapaian dan penglibatan semua Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*) agar lebih signifikan dan menyerlah. Justeru itu, kesemua CoE perlu meningkatkan kolaborasi / konsultasi penyelidikan dengan agensi dan industri luar yang berfokus kepada pertahanan dan keselamatan. Bermula tahun 2022, **CDISS** dan **CODRAT** akan difokuskan ke arah pencapaian **HiCoE** berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah digariskan.

35. Secara tuntasnya, semua isu dan cabaran dalam teras ini telah diperhalusi dan dikenalpasti. Pelan tindakan yang telah dirangka akan dijajarkan kepada semua pemegang tanggungjawab menerusi indikator dan output yang disasarkan untuk tahun ini. Semua inisiatif ini juga adalah

pendekatan holistik yang diambil bagi membolehkan pencapaian kita dalam sistem penarafan MyRA dipertingkatkan dengan lebih cemerlang.

TERAS 4: MEMPERKUKUHKAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Keluarga UPNM yang saya kasihi sekalian,

36. Dalam memperlengkapkan kesinambungan dan kemampanan aspek sumber manusia, tiga strategi yang telah digariskan sebagai halatuju untuk tahun 2022. Ia merangkumi:

- a. Keupayaan Pendidikan Sebagai Satu Industri.
- b. Kebajikan Dan Kesejahteraan Keluarga KPT.
- c. Menyemarak semangat KPT Prihatin.

37. Di UPNM, kita juga berhadapan dengan beberapa cabaran yang perlu diatasi. Di antaranya untuk mencapai peratusan pensyarah yang memiliki kelayakan PhD. Oleh yang demikian, beberapa inisiatif akan dilaksanakan termasuklah pengambilan pensyarah baharu dan pelantikan semula pesara berkelayakan PhD, melaksanakan Program Mentor-Mentee dan membuat penggiliran staf yang mengikuti cuti belajar.

38. UPNM juga memfokuskan kepada pembangunan kompetensi di kalangan staf. Beberapa latihan, bengkel, kursus-kursus yang relevan akan terus dirancang untuk meningkatkan lagi potensi serta kompetensi staf.

Dalam aspek meningkatkan pengetahuan, program-program bersifat kemahiran kendiri turut bakal dianjurkan secara berkala.

39. Di samping itu, kesihatan fizikal dan mental dalam menyemarakkan kempen “Gaya Hidup Sihat” akan diberi keutamaan. Program-program sukan dan rekreasi akan terus dirancang dengan penglibatan semua warga UPNM. Inisiatif ini juga mampu mengeratkan hubungan silaturahim dan menyihatkan tubuh badan serta minda warga UPNM.

40. Dalam situasi semasa yang kian mencabar, wujud keperluan inisiatif penjanaan pendapatan tambahan oleh staf UPNM. Justeru, UPNM telah menyediakan platform bagi memperkenalkan produk yang diusahakan oleh warganya. Diharapkan inisiatif ini dapat membantu meringankan beban staf UPNM.

41. UPNM juga terus meletakkan keutamaan terhadap kebajikan dan kesejahteraan warga. Dalam hal ini, sesi kaunseling akan dilaksanakan secara berterusan kepada setiap warganya. Diharapkan inisiatif ini dapat membantu dan memperkasa motivasi diri dalam usaha meningkatkan prestasi kerja.

TERAS 5: MELESTARIKAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENJANAAN PENDAPATAN

42. Dalam mendepani persekitaran strategik yang tidak menentu, salah satu perkara penting yang perlu diutamakan adalah dalam aspek pengurusan

kewangan dan penjanaan pendapatan. Ia mestilah sentiasa dinamik untuk memastikan objektif UPNM boleh dicapai.

43. Sejak 3 tahun kebelakangan ini, trend penyaluran dana mengurus dan pembangunan memerlukan kita sebagai sebuah universiti untuk mempunyai strategi serta keupayaan menjana pendapatan sendiri supaya boleh menampung jurang pendapatan. Ini merupakan satu cabaran di dalam pengurusan kewangan UPNM kerana ia perlu untuk mengimbangkan kebergantungan kita kepada geran Kerajaan. Justeru, strategi untuk mengukuhkan kedudukan kewangan UPNM perlu diberi perhatian oleh semua lapisan warga UPNM. Ini adalah untuk memastikan kelestarian kewangan UPNM boleh dikekalkan.

44. Perkara penting yang perlu diberi tumpuan untuk menyumbang kepada kedudukan kewangan yang kukuh adalah bagaimana cara untuk meningkatkan hasil UPNM. Antaranya, menerusi inisiatif penerokaan dan penjanaan hasil baru yang dapat memberi impak signifikan, meningkatkan kutipan yuran / bilangan pelajar (*postgraduate* / program baru), meneroka sumbangan dana luar dan anak syarikat serta mengurangkan kos operasi menerusi kerangka perbelanjaan berhemah.

45. Dalam hal **pengurusan kewangan**, 5 fokus strategik telah digariskan iaitu:

- a. Mengukuhkan kedudukan kewangan.
- b. Memperkasakan sumber hasil dalaman.

- c. Mengimbangi keperluan dan keupayaan.
- d. Membangunkan sistem kewangan yang komprehensif.
- e. Mengamalkan urus tadbir baik pengurusan kewangan.

46. Justeru itu, komitmen daripada semua pihak amat penting bagi memastikan fokus strategik yang telah ditetapkan dapat dicapai. Ini juga akan menentukan UPNM mempunyai kedudukan kewangan yang mampan dan mampu untuk meneruskan aktiviti universiti yang telah dirancang dengan lancar dan terurus.

TERAS 6: MELESTARIKAN PEMBANGUNAN STRATEGI, KUALITI, TEKNOLOGI MAKLUMAT, PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

47. Di dalam **Melestarikan Pembangunan Strategi, Kualiti, Teknologi Maklumat dan Pembangunan Infrastruktur**, UPNM telah mengenalpasti 3 cabaran utama iaitu:

- a. Mengukuhkan ekosistem kampus yang selamat.
- b. Memperkasa agenda pendigitalan.
- c. Mempersada kecemerlangan institusi.

48. Penularan pandemik COVID-19 telah mentransformasi sistem Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dari bilik kuliah ke pembelajaran atas talian (*online learning*). Natijahnya, pengaplikasian PdP secara dalam talian yang sebelum ini hanya pada paras 30 peratus, telah meningkat ke paras 100 peratus.

49. Untuk itu, demi kelangsungan penyediaan PdP secara dalam talian yang kondusif bagi staf dan pensyarah, beberapa keutamaan diambil perhatian segera termasuk penggantian dan tambahan Access Point Wi-Fi di kolej kediaman mahasiswa dan bangunan pentadbiran, pelaksanaan konsep *Bring Your Own Device* (BYOD) - 1 pengguna 2 device kepada UPNMNet dan penggantian alatan digital usang di bilik kuliah.

50. Bagi menyediakan kampus yang kondusif untuk aktiviti warga dan mahasiswa, beberapa cadangan telah dikemukakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Antaranya, pembinaan bangunan bilik pensyarah, bangunan Pusat Kecemerlangan Pelajar dan Dewan Tuanku Canselor. Kita muh supaya Universiti kita bukan sahaja dikenali sebagai sebuah institusi ulung dalam bidang tujhannya, malahan juga dikenali sebagai universiti yang memiliki prasarana lengkap dan bertaraf tinggi.

51. Selain itu, UPNM akan terus memperkuuhkan usaha bagi mengekalkan kecemerlangan dalam Pensijilan Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2005, Pensijilan ISO 45001:2018 (Sistem Pengurusan dan Keselamatan Pekerjaan) serta penarafan Data MyMoheS dan mendapat pengiktirafan Audit Bersih. Kita juga akan terus memperkuuhkan kedudukan penarafan Scopus dalam bidang keselamatan dan pertahanan.

Di samping itu, usaha akan terus dipergiatkan untuk membuat kajian bagi melihat kesesuaian menyertai penarafan *QS Ranking*.

PENUTUP KATA

Keluarga UPNM yang dihormati sekalian,

52. Pelaksanaan halatuju strategi pengurusan universiti yang saya sampaikan pada hari ini, harus saya akui ia bukanlah semudah yang dilafazkan. Namun, saya yakin dan percaya jika kita semua mempunyai tekad dan iltizam yang cekal, Insya Allah, kita semua mampu untuk melaksanakan tanggungjawab ini dengan penuh komitmen dan beramanah demi melonjakkan kecemerlangan UPNM di persada kejayaan.

53. Dalam hal ini, saya memohon kepada semua para pemimpin dan ketua-ketua di setiap lapisan supaya komited memainkan peranan masing-masing dalam melaksanakan tugas dengan penuh ikhlas dan bertanggungjawab. Pemimpin mesti mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan harmoni serta mempamerkan sahsiah diri yang terpuji untuk dijadikan *role model*.

54. Saya juga ingin berpesan kepada para mahasiswa sekalian agar mempunyai sifat kesungguhan dan kegigihan dalam memartabatkan ilmu pengetahuan, menghias diri dengan akhlak terpuji dan memelihara kepentingan agama. Jadikan peluang belajar di UPNM sebagai platform untuk memperluaskan ufuk pemikiran, pembinaan minda serta daya intelektual para mahasiswa sekalian. Sematkan di hati bahawa keberadaan

mahasiswa sekalian di UPNM mampu mengubah taraf kehidupan ke arah yang lebih cerah pada masa hadapan.

55. Sebelum menutup bicara, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pejabat Penolong Naib Canselor, Perkhidmatan, Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat dan semua FPJB serta ahli jawatankuasa yang terlibat bagi menjayakan dan menganjurkan majlis pada hari ini.

56. Menerusi teras strategik dalam Amanat Ulung saya yang kini kian terlihat hasilnya, dipacu pula dengan aspirasi sepunya kita yang sedang mara ke hadapan menerusi teras amanat hari ini, saya percaya bahawa UPNM yang kita sayangi ini sedang bergerak pantas di landasan trajektori yang tepat dan kukuh.

57. Akhir kata, dalam usaha “**Menjulang Tekad Mendepani Cabaran**”, saya menyeru kepada semua ahli keluarga UPNM untuk berganding bahu dan saling bekerjasama dalam mempertingkatkan prestasi dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian visi dan misi UPNM. Amalkan nilai teras integriti dalam budaya kerja supaya kita dapat membentuk sebuah pasukan yang kuat dan efektif dan sentiasa menjaga nama baik UPNM.

58. Saya berdoa ke hadrat Allah SWT, agar segala usaha murni yang berterusan dalam memartabat dan memperkasa UPNM akan tercapai dengan cemerlang dan jayanya. Insya Allah.

59. Sekianlah sahaja, saya sudahi dengan lafaz wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih.

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Lt Jen Datuk Hasagaya bin Abdullah
Naib Canselor
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia